250 pelajar antarabangsa dan keluarga hadir Majlis Iftar

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIPLI

Seramai 250 dalam kalangan pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir bersama keluarga masing-masing dalam Majlis Iftar anjuran Pejabat Antarabangsa yang diadakan di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 29 Jun 2016 yang lalu.

Program dimulakan dengan alunan bacaan ayat suci Al-Quran yang disampaikan pelajar Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, Ali Elzain dari Mesir.

Menurut Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr.Ainol Haryati Ibrahim dalam ucapannya berkata, pihaknya berterima kasih atas kehadiran komuniti antarabangsa yang bersama-sama memeriahkan program iftar untuk tahun ini.

"Komuniti yang kecil ini harus diperkukuhkan lagi agar menjadi satu komuniti yang kuat dan pada bulan yang mulia ini program sebegini memberi peluang pelajar dan keluarga untuk berkumpul sertamengeratkan hubungan dengan lebih erat," katanya.

Bagi Ayesha Noor, 32, yang kini menuntut di Fakulti Pengurusan Industri (FPI), bulan Ramadan kali ini beliau memperbanyakkan aktiviti kerohanian dan bersama komuniti.

"Kami melibatkan diri memasak untuk program berbuka puasa di masjid, sedikit sebanyak kami mempelajari menu tempatan di sini," katanya.

Manakala Presiden Pelajar Antarabangsa UMP, Basheer Mohd Al-Haimi, 28 yang kini menuntut di FPI pengalaman yang menyeronokkan berpuasa di Malaysia akan terus diingati.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pengurusan tertinggi dan Pejabat Antarabangsa serta pelajar tempatan yang sangat peramah dan mesra sepanjang berada di UMP dan ianya merupakan suatu penghargaan yang besar bagi mereka.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus , Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserrie Zainuddin dan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dr. Zulkifli Yaacob.